

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Nilai dagangan industri herba RM29b | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 03 Feb 2013 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 459,793 |
| Page No | L-20 | Readership | 1,854,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 130 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,912 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,737 |



Nilai dagangan industri herba RM29b

SIMUNJAN 2 Feb. - Industri herba tempatan mampu berkembang pesat sebanyak 15 peratus setahun dengan nilai dagangannya dijangka mencapai RM29 bilion menjelang 2020.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas (**gambar**) berkata, jangkaan itu adalah berdasarkan prestasi dan nilai pasaran industri herba di peringkat global yang dilihat semakin meningkat dari semasa ke semasa.

“Di peringkat dunia, nilai dagangan industri ini dijangka bertambah daripada RM777 bilion pada 2009 kepada lebih RM2 trilion menjelang 2020, iaitu meningkat tiga kali ganda.

“Pasaran industri herba tempatan pula berpotensi berkembang sebanyak 15 peratus setahun dengan nilai pasaran bertambah daripada RM7 bilion pada 2010 kepada kira-kira RM29 bilion menjelang 2020,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Bengkel Interaktif Herba

2013 anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Kepelbagai Biologi Sarawak (SBC) yang membabitkan seramai 200 usahawan herba di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Batang Sadong, Nancy Shukri.

Mengulas lanjut, Douglas berkata, selain faktor faedah kesihatan, minat masyarakat dunia terhadap produk herba semakin meningkat disebabkan kekhawatiran tentang status keselamatan dan risiko penggunaan produk

berasaskan bahan kimia sintetik.

Beliau dalam pada itu menambah, industri herba kini merupakan Projek Permulaan (EPP) 1 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA) Pertanian.

“Bermatlamat menghasilkan produk bernilai tinggi dengan jumlah pendapatan kasar RM2.2 bilion daripada lima herba iaitu tongkat ali, kacip fatimah, misai kucing, hempedu bumi dan dukung anak, EPP 1 ini dijangka menyediakan 1,800 peluang pekerjaan baharu serta melahirkan 300 pengilang,” katanya.

